

## 1. Nestlé Honoured with Royal Visit

Nestlé's Petaling Jaya factory was honoured with a working visit of SPB Yang DiPertuan Agong Tuanku Salahuddin Abdul Aziz Shah and his consort SPB Raja Permaisuri Agong Siti Aishah on 29 June 2000. The royal couple was impressed with the factory's operations during a tour to view its process and packaging lines. Their Majesties expressed pleasure at having gained an insight into the manufacturing processes of Nestlé products.

## Nestlé Menerima Lawatan DiRaja

SPB Yang DiPertuan Agong Tuanku Salahuddin Abdul Aziz Shah serta SPB Raja Permaisuri Agong Siti Aishah telah berkenan melawat kilang Petaling Jaya Nestlé pada 29 Jun 2000. Pasangan DiRaja ternyata tertarik dengan operasi kilang ketika diiringi melawat sistem pemprosesan dan pembungkusan produk. Baginda melahirkan rasa puas hati dapat melihat secara dekat proses pengeluaran barangan Nestlé.




## 2. MILO's Golden Anniversary Celebrations

MILO was bestowed the highest honour when SPB Yang DiPertuan Agong launched its 50th anniversary celebrations on 28 August 2000. Reinforcing its commitment to the development of Malaysian sports, MILO paid tribute to 26 of the nation's sports icons, past and present. A fitting end to the ceremony saw MILO being conferred the "Friend of Sports" award by the Ministry of Youth & Sports in recognition of its role in driving Malaysia's winning moments in sports.

To commemorate its 50 years in Malaysia, MILO launched its website to continue to build appreciation and interest in sports amongst the nation's youth. Apart from interesting information on the nation's favourite health food drink, the website at www.milo.com.my includes the MILO Hall of Fame which features the sports icons honoured by MILO, and Star Chat, an interactive page for online chats with local sports personalities.

MILO also made a RM50,000 contribution to the Malaysian Paralympic Council towards its participation in the Sydney 2000 Paralympic Games. The Paralympians could not be more deserving of the contribution as they represent the true Olympic ideal, epitomizing determination, energy and perseverance.

## Perayaan Jubli Emas MILO

MILO telah diberi setinggi-tinggi penghormatan apabila SPB Yang DiPertuan Agong telah berkenan melancarkan perayaan ulangtahunnya yang ke 50 pada 28 Ogos 2000. Sebagai langkah untuk memperkukuhkan komitmennya terhadap pembangunan sukan negara, MILO telah memberi penghargaan kepada 26 wira sukan negara, dulu dan kini. Perayaan tersebut ternyata lebih bermakna apabila MILO dikurniakan anugerah "Sahabat Sukan" oleh Kementerian Belia & Sukan sebagai pengiktirafan atas peranan MILO memacu kejayaan Malaysia di dalam bidang sukan.

Untuk memperingati 50 tahun di Malaysia, MILO telah melancarkan laman webnya untuk terus mempertingkatkan penghargaan dan minat dalam bidang sukan di kalangan remaja. Selain daripada maklumat menarik mengenai minuman berkhasiat kegemaran negara, laman web di www.milo.com.my menawarkan MILO Hall of Fame yang memaparkan wira-wira sukan yang diberi penghormatan oleh MILO, dan Star Chat, halaman interaktif bagi online chat bersama personaliti-personaliti sukan negara.

MILO juga telah menyampaikan sumbangan sebanyak RM50,000 kepada Majlis Paralimpik Malaysia bagi penyertaannya dalam Sukan Paralimpik Sydney 2000. Para peserta Paralimpik amat layak menerima sumbangan tersebut kerana mereka melambangkan wawasan Olimpik sebenar dan merupakan contoh unggul kesungguhan, tenaga dan kecekalan.


RAM assigns AAA/P1 ratings to Nestle Foods

Nestle Foods' bond issue gets top rating

Nestlé still a favourite consumer stock

## 3. Nestlé – Citibank Sign Agreement for Issuance of CP/MTN

Nestlé Foods (Malaysia) Sdn Bhd on 24 March 2000 formalised its RM300 million capital raising exercise at a signing ceremony with Citibank Berhad, arranger of its Commercial Paper/Medium Term Notes (CP/MTN) Issuance Programme, and Mayban Trustees Berhad as trustee.

The CP/MTN Programme has been accredited with a long-term rating of 'AAA' and a short-term rating of P1 for its short term notes by Rating Agency Malaysia, based on the Company's sound financial standing and repayment capacity.

## Nestlé – Citibank Tandatangani Perjanjian bagi Terbitan CP/MTN

Pada 24 Mac 2000, Nestlé Foods (Malaysia) Sdn Bhd telah menyempurnakan terbitan modal berjumlah RM300 juta di satu majlis menandatangani perjanjian dengan Citibank Berhad, sebagai pihak yang mengaturkan Program Terbitan Kertas Komersil/Nota Jangka Sederhana (CP/MTN), dan Mayban Trustees Berhad sebagai pemegang amanah.

Program CP/MTN ini telah diberi pengiktirafan jangka panjang 'AAA' dan pengiktirafan jangka pendek P1 bagi nota jangka pendeknya oleh Rating Agency Malaysia, berdasarkan kedudukan kewangan Syarikat yang kukuh dan keupayaan pembayaran baliknya.

## 4. Nestlé Malaysia Goes Online

In line with the Company's objective to be close to the consumer, Nestlé launched its corporate website which will provide another communication channel between Nestlé and the public. The site at www.nestle.com.my, features interesting information about the Company and its brands, as well as updates on new products and promotions, facts and figures and an interactive page for feedback.




## Nestlé Malaysia Lancarkan Laman Web

Sejajar dengan objektif Syarikat untuk sentiasa mengutamakan pengguna, Nestlé telah melancarkan laman web korporatnya yang akan membekalkan satu lagi saluran komunikasi di antara Nestlé dan pengguna. Laman web di www.nestle.com.my, menawarkan maklumat menarik mengenai Syarikat dan jenama-jenamanya, serta berita terkini tentang barangan dan promosi baru, fakta-fakta penting dan halaman interaktif bagi maklum balas.

## 5. Haj Pilgrims Enjoy Nestlé Food Packs

Malaysian Haj pilgrims received Nestlé travel food packs comprising MAGGI Cup Porridge, MAGGI Mini Mee and FRUTIPS Chews. The easy-to-prepare food items would be of use especially in Mecca where convenience in food preparation is essential. A symbolic presentation ceremony was held between Nestlé and Lembaga Tabung Haji which was responsible for distributing the Nestlé food packs to the Haj pilgrims.



## Jemaah Haji Dibekal Barangan Nestlé

Para jemaah Haji Malaysia telah dibekalkan barangan Nestlé berupa Bubur Cawan MAGGI, Mi Mini MAGGI dan FRUTIPS Chews. Sumbangan makanan yang mudah disediakan itu amat berguna sewaktu di Mekah di mana kemudahan dalam penyediaan makanan adalah penting. Satu majlis simbolik penyerahan sumbangan telah diadakan di antara Nestlé dan Lembaga Tabung Haji yang bertanggungjawab mengedarkan barangan Nestlé kepada jemaah-jemaah Haji.

## 6. MAGGI Presents New Television Commercials

Echoing the Company's continuous efforts to court the consumer, MAGGI launched 11 educational television commercials to communicate in a novel way the brand's multitude of offerings. They endorse MAGGI as everyone's perfect cooking partner. The 1-Minute "Now We're Cooking" Recipes, as the commercials are called, feature tantalising dishes using the various MAGGI culinary aids.

## MAGGI Persembahkan Iklan Televisyen Baru

Bagi menyokong usaha berterusan Syarikat untuk memikat pengguna, MAGGI melancarkan iklan televisyen yang mempersembahkan secara menarik pelbagai tawaran jenama tersebut. Iklan ini menekankan betapa MAGGI merupakan rakan memasak yang terbaik untuk semua. Iklan yang dikenali sebagai Resipi "Masak-masak" 1-Minit ini memaparkan hidangan-hidangan lazat yang menggunakan pelbagai barangan memasak MAGGI.



Scenes from the MAGGI "Now We're Cooking" TV Commercials. Petikan daripada iklan TV "Masak-masak" MAGGI.

# CORPORATE INFORMATION MAKLUMAT KORPORAT

## DIRECTORS / PENGARAH-PENGARAH

Gen.(R) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali Seth (Chairman),

Michael W. Garrett,

José Lopez Y Vargas (Managing Director),

Malcolm Bruce Hunter,

Tan Sri Ernest Zulliger,

Dato' Haji Badroddin Bin Kassim,

Jimmy Tan Meng Kow.

## ALTERNATE DIRECTOR TO MICHAEL W. GARRETT / PENGARAH SILIH GANTI KEPADA MICHAEL W. GARRETT

Faical Krichane

## AUDIT COMMITTEE / JAWATAN KUASA AUDIT

Chairman: Dato' Haji Badroddin Bin Kassim (Independent non-executive director)

Members: Gen. (R) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali Seth (Independent non-executive director),
Tan Sri Ernest Zulliger (Independent non-executive director)

## COMPANY SECRETARIES / SETIAUSAHA-SETIAUSAHA SYARIKAT

Mohd. Shah Bin Hashim, Diana Binti Mohd Ghazali

## AUDITORS / JURUAUDIT

KPMG

## REGISTERED OFFICE & HEAD OFFICE / PEJABAT BERDAFTAR & IBU PEJABAT

NESTLÉ HOUSE,
4 Lorong Pesiaran Barat, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.
Tel: (03) 755-4466 / 755-3177 Fax: (03) 755-0992

## SHARE REGISTRAR / PENDAFTAR SAHAM

Signet & Co. Sdn. Bhd.
10th & 11th Floor, Tower Block. Kompleks Antarabangsa, Jalan Sultan Ismail,
50250 Kuala Lumpur, P. O. Box 12547, 50782 Kuala Lumpur.
Tel: (03) 245-4337 (GL) Fax: (03) 242-1353

## EXECUTIVE DIRECTORS / PENGARAH-PENGARAH EKSEKUTIF




From left to right: Ariffin Buranudeen, Faical Krichane, José Lopez Y Vargas, Malcolm Bruce Hunter, Abdul Wahab bin Abu Bakar, Graeme Toft.

# CHAIRMAN'S STATEMENT PENYATA PENGERUSI

[illegible]

Ladies and Gentlemen,

Our 2000 trading year marked the first full year of positive growth since 1997, and reinforced Nestlé's position as the leading food company in Malaysia. The various measures which we took in previous years to re-organise our internal structure, and improve efficiency, took effect last year.




In 2000, our sales results out-performed the Malaysian retail volume growth, thus signalling increased consumer demand for our products. Last year we commemorated the 50th anniversary of MILO in Malaysia and also recorded higher sales of MILO than ever before, proof that despite its long life-cycle, this remains a Malaysian favourite! Other core brands like MILKMAID, NESPRAY, NESCAFÉ, and MAGGI also delivered solid sales growth, while exceptionally strong growths were achieved by new businesses. Our Liquid Drink results were dramatically improved with a fuller range and wider distribution, especially of canned drinks, resulting in a turnaround to profitability. The Ice Cream business also yielded very significant sales growth, in its first year as 100% subsidiary of your company.

We were justifiably proud of the AAA/P1 rating awarded to Nestlé Malaysia by Rating Agency Malaysia, when we launched our RM300 million bond issue in March 2000. This rating was obtained without any guarantees or undertakings by our parent company, and the resulting issue at low interest yields was highly successful.

The closure of Condensed Milk processing at our Petaling Jaya factory, as well as the commencement of the investment project for cereals capacity at our Shah Alam plant, marked the beginning of a new regional industrial structure, in which Nestlé Malaysia will be both a recipient and manufacturer of regional supply. This project is expected to deliver sustained improvements in shareholder returns in future years.

With a successful product range, and an organisation which is focused and results-driven, we are confident, barring any unforeseen circumstances, of once again delivering improved returns to our shareholders in the forthcoming year.

On behalf of all shareholders, and the Board of Directors, I wish to extend thanks and congratulations to all Nestlé staff and business partners for fulfilling our promise in 2000.

Gen. (R) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali Seth

## CHAIRMAN'S STATEMENT PENYATA PENGERUSI

## 2000年常年报告书主席评论

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Tahun perdagangan 2000 menandakan kali pertama sejak tahun 1997, kita menikmati pertumbuhan positif sepanjang tahun dan ini telah memperkukuhkan kedudukan Nestlé sebagai syarikat pengeluar makanan yang utama di Malaysia. Langkah-langkah yang telah diambil pada tahun-tahun sudah untuk menyusun semula struktur dalaman Syarikat, dan untuk mempertingkatkan kecekapan berkuatkuasa pada tahun lepas.

Keputusan jualan pada tahun 2000 telah mengatasi pertumbuhan jumlah lebihan dagangan Malaysia, sekaligus menandakan peningkatan permintaan pengguna terhadap barangan kita. Tahun lepas kita telah memperingati ulang tahun ke-50 MILO di Malaysia dan juga telah mencatat jualan MILO yang paling tinggi pernah tercapai. Ini membuktikan bahawa meskipun kitaran hayatnya agak panjang, MILO masih kekal sebagai minuman kegemaran Malaysia! Lain-lain jenama utama seperti MILKMAID, NESPRAY, NESCAFÉ dan MAGGI juga telah mencatat pertumbuhan jualan yang mantap, sementara pertumbuhan yang begitu kukuh telah dicapai oleh perniagaan-perniagaan baru. Pencapaian Minuman Pertin telah menunjukkan peningkatan yang dramatik hasil pilihan yang pelbagai dan pengedaran yang lebih meluas, sehingga menjanakan daya keuntungan yang lebih hebat. Perniagaan Aiskrim juga menghasilkan pertumbuhan jualan yang amat baik, pada tahun pertamanya sebagai subsidiari 100% Syarikat anda.

Kita berbangga Nestlé Malaysia diberi pengkadaran AAA/P1 oleh Rating Agency Malaysia, apabila kita melancarkan terbitan bon bernilai RM300 juta pada bulan Mac 2000. Pengkadaran ini telah diperoleh tanpa sebarang jaminan mahupun akujanji oleh syarikat induk, dan hasil terbitan pada pulangan faedah yang rendah amatlah memberangsangkan.

Perhentian operasi pengeluaran Susu Pekat Manis di kilang Petaling Jaya, serta permulaan projek pelaburan bagi keupayaan pengeluaran bijirin di kilang Shah Alam, menandakan bermulanya sebuah struktur perindustrian serantau yang baru, di mana Nestlé Malaysia akan bertindak sebagai penerima dan juga pengeluar bekalan serantau. Projek tersebut dijangka dapat meningkatkan pulangan bagi pemegang-pemegang saham pada tahun-tahun yang akan datang.

Dengan rangkaian produk yang kian berjaya, dan sebuah organisasi yang bermatlamat dan mengutamakan pencapaian, kita yakin, sekiranya tiada berlaku sebarang kejadian di luar jangkaan, dapat sekali lagi memperbaiki pencapaian keputusan bagi para pemegang saham pada tahun yang akan datang.

Bagi pihak semua pemegang saham, dan Lembaga Pengarah, saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada semua kakitangan Nestlé dan rakan perniagaan kerana berjaya menepati janji yang dibuat pada tahun 2000.

Gen. (R) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali Seth

先生们、女士们：

这个2000营业年标志着我们自1997年以来的第一个全面积极成长的一年，同时巩固雀巢在马来西亚的首要食品公司地位。在过去数年里，我们所采取的各种步骤，重组内部结构、改善效率，这些措施已在去年奏效。

2000年，我们的销售业绩超越了马来西亚零售业的增量成长，因此象征着消费者增加了对我们产品的需求。去年，我们欢庆美禄在马来西亚市场50周年纪念，并且取得前所未有的最高销售纪录。这不但证实了其长寿周期，还保持了它为马来西亚人最喜爱的饮品。其他主要品牌如MILKMAID（红字）、NESPRAY、NESCAFÉ和MAGGI（美极）也取得令人满意的销售成长，而新业务亦获得非常强劲的成长。我们的罐装饮料因一个综合而系列和更广泛的分销而取得更令人满意的利润。去年雪糕业务，也在其第一年成为100%子公司取得显著性营业成长。

当我们在2000年3月发出了一项总值马币3亿零售商业证券时，雀巢马来西亚十分荣幸获得马来西亚评估代理(Rating Agency Malaysia)评为AAA/P1等级。这等级是没有任何担保人或母公司的担保。而这项以低利息发行的债券却非常成功。

关闭在八打灵再也的炼乳工厂的生产，以及将谷类食品在莎阿南工厂的投资计划，这标志着一个新的工业结构的开始，这也意味着雀巢将成为一个区域性供应的收购者兼制造商。这项计划预料将在以后年份给股东们带来增长的更佳回酬。

有了成功的产品系列以及集中努力和讲求业绩成就的机构组织，我们有信心，除非任何不可预测的情况，来年将给股东们再度更佳的回酬。

最后，我谨代表所有股东及董事局，感谢和祝贺所有雀巢员工和商业伙伴，协助实现我们2000年的承诺。

我们对获得在2000年的营业业绩表现感到满意，这不仅反映了马来西亚经济的改善，同时也证明消费者对我们广泛的优质产品系列继续支持。除非任何不可预测的情况，我们对2000年的前景感到乐观，而我们公司已准备好面对挑战以比去年更佳的营业业绩回报。

Gen. (R) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali Seth

## General Comments

After two years of economic setback, we had an exciting year in 2000, which saw a return to real growth from the pre-crisis 1997 base.

The Malaysian economy performed generally well last year, and our results were confirmation of restored consumer confidence. Despite aggressive competition in all sectors of the food industry, we held, and in most cases improved, our position in the local market. The resulting improvement of some 13% in our sales turnover is all due to volume increases.

Most major cost inputs remained static or even reduced in 2000, especially in the case of coffee, cocoa, and palm oil, and in addition we enjoyed some savings in cost of imports due to the MYR peg against USD. A sharp increase in the world price of Skim Milk Powder partly offset savings achieved, however our gross margins improved overall compared with the previous year, owing to the savings mentioned, as well as efficiencies achieved in various operational areas.

In March 2000, we launched a RM300 million public debt issue, after obtaining a AAA/P1 rating by RAM. The demand for these bonds resulted in very competitive interest yields, which reduced borrowing costs in 2000.

Last year was the first full year of operation of our National Distribution Centre in Bukit Raja, enabling us to record notable improvements in customer service levels, and reduced inventory holdings, throughout the supply chain to retailers.

## Marketing, Sales and Production

Continuous brand building and marketing support have been a major contributor to Nestlé's world-wide success for many years. In 2000 we continued to support our brands locally, with substantial investment in marketing and promotional expenditure, innovation in new products, and renovation of packaging and presentation. Examples of our marketing activities in 2000 included the following;

- Launch of NESTOMALT, a white malted beverage which has been very well received by consumers.
- Relaunch of MILO to commemorate the 50th anniversary of this brand, associated with various Malaysian sports heroes of past years.
- Development and launch of various culinary aids under MAGGI brand – these were the result of joint Malaysian and international R & D, and were supported by appropriate creative advertising campaigns.
- Launch of OMEGA Milk, formulated to promote heart health for consumers.
- Extension of canned drinks range, accompanied by focused distribution drive, resulting in triple-digit growth figures.
- Investment in new Tetra Pak equipment, followed by a relaunch of our UHT range in new convenient packaging.
- Re-introduction of BONUS Soya Bean Milk.
- Launch of CHUNKY KIT KAT chocolate bar.
- Various product innovations in Ice Cream and Chilled products.

In order to cope with the increased selling activity and product range, we supported our dealers with additional levels of personnel to provide appropriate focus on trade promotional activities.

During 2000, we announced the commencement of a regional industrial project, which will result in more efficient utilisation of various manufacturing locations across South East Asia. As a consequence, we ceased production at our condensed milk plant in Petaling Jaya in September 2000, and in future will be sourcing condensed milk from external group suppliers. Malaysia will also in future be the regional supplier of Infant Cereals, and to meet the increased capacity demand, we have commenced construction of a RM40 million extension of our Shah Alam plant. In addition we will increase our MILO processing capacity to meet some of the regional demand. The project is expected to be fully operational by the end of 2002, and will generate improved returns to Nestlé Malaysia's shareholders.

## Profitability

Gross margin improved in 2000, owing to higher sales, (RM2,202 million, vs RM1,953 million, up 12.8%) as well as lower overall production costs. An amount of RM18.5 million was incurred in 2000 for restructuring cost relating to the condensed milk closure. This includes costs of staff severance, and scrapping of obsolete equipment, and is therefore treated as non-operating expenditure. A further amount of RM14.6 million has been allowed for impairment of other assets, either due to obsolescence, or excess carrying value. The effect of these charges is a reduced invested capital, and therefore a leaner structure for future returns. Despite

these charges, our net profit before tax improved from RM243 million to RM255 million, while profit after tax in 2000 (RM203 million) is not really comparable with 1999, as no tax was payable in the previous year.

## Human Resources

During 2000, we carefully managed our headcount to ensure continued efficiency. While some new positions have been created to meet business growth, staff numbers were limited in other areas where opportunities for streamlining were identified. Most of the staff affected by the condensed milk closure were re-deployed in other areas of the company, and we have avoided any significant redundancy measures.

We continued to invest in training and development for the future, and in 2000 our expenditure on staff training amounted to RM3.3 million, an increase of 40% over 1999. We also transferred a further 3 Malaysian employees abroad to work in other Nestlé locations, making a total of 15 of our staff in foreign posts at the end of 2000.

## Prospects for 2001

We are pleased with our results in 2000, which reflect both the improvement in Malaysia's economy, and consumer appreciation of our wide range of quality products. Barring unforeseen circumstances, we are optimistic about the environment in 2001, and our organisation is geared to meet the challenge of improving last year's performance.

## Ulasan Am

Setelah dua tahun perkembangan ekonomi terhalang, tahun 2000 telah menjanjikan sesuatu yang menarik sehingga Syarikat kembali mencapai pertumbuhan dari asas pra-krisis tahun 1997.

Pada tahun lalu, ekonomi Malaysia menunjukkan prestasi yang agak baik dan pencapaian Syarikat membuktikan bahawa keyakinan pengguna telah pulih kembali. Walaupun persaingan hebat begitu ketara dalam semua sektor industri makanan, Syarikat dapat mengekalkan, dan dalam kebanyakan kes, berjaya memperbaiki kedudukannya dalam pasaran tempatan. Peningkatan lebih kurang 13% pada jumlah jualan adalah disebabkan pertambahan volum.

Kebanyakan kos input utama kekal statik ataupun menurun pada tahun 2000 terutamanya bagi kopi, koko dan minyak sawit. Di samping itu, Syarikat menikmati beberapa penjimatan pada kos barangan import disebabkan kadar pertukaran tetap Ringgit Malaysia terhadap Dolar Amerika. Peningkatan mendadak pada harga sedunia Susu Tepung Skim telah sedikit-sebanyak mengimbangi penjimatan yang diperoleh. Walaubagaimanapun, margin kasar meningkat pada keseluruhannya berbanding dengan tahun sebelumnya, disebabkan penjimatan seperti yang dinyatakan, serta kecekapan yang dicapai di pelbagai bahagian operasi.

Pada bulan Mac 2000, Syarikat telah melancarkan terbitan bon bernilai RM300 juta, setelah memperoleh pengkadaran AAA/P1 oleh RAM. Permintaan terhadap bon-bon ini menghasilkan pulangan faedah yang bersaing, yang telah berjaya mengurangkan kos pinjaman pada tahun 2000.

Tahun lepas merupakan kali pertama Pusat Pengedaran Nasional di Bukit Raja beroperasi sepanjang tahun hingga membolehkan kita mencatat peningkatan yang ketara pada mutu khidmat pelanggan, serta pengurangan saham inventori di sepanjang rangkaian bekalan hingga ke peruncit.

## Pemasaran, Jualan dan Pengeluaran

Pembangunan jenama dan sokongan pemasaran yang berterusan merupakan penyumbang utama kepada kejayaan Nestlé di serata dunia sejak bertahun-tahun lamanya. Pada tahun 2000, sokongan terus diberi pada jenama kita di pasaran tempatan, dengan pelaburan yang lumayan dalam perbelanjaan pemasaran dan promosi, pembaharuan produk serta pengubahsuaian pada pembungkusan dan persembahan. Aktiviti-aktiviti pemasaran pada tahun 2000 di antaranya termasuk:

- Pelancaran NESTOMALT, minuman malt putih yang disambut baik oleh para pengguna.
- Pelancaran semula MILO bagi memperingati ulang tahun ke-50 jenama ini sambil memberi penghormatan kepada wira-wira sukan negara, dahulu dan kini.
- Pembangunan dan pelancaran pelbagai bahan memasak di bawah jenama MAGGI – ini adalah hasil kerja-kerja usahasama penyelidikan dan pembangunan antarabangsa dan Malaysia, yang disokong oleh pelbagai kempen iklan yang sesuai dan kreatif.

- Pelancaran Susu OMEGA yang dirumus untuk menggalakkan kesihatan jantung di kalangan pengguna.
- Pengembangan rangkaian minuman bertin, disokong dengan kempen pengedaran yang tertumpu hingga menghasilkan pertumbuhan tiga-angka.
- Pelaburan dalam peralatan Tetra Pek baru, diikuti dengan pelancaran semula rangkaian UHT dalam pek baru yang lebih mudah digunakan.
- Pengenalan semula Susu Kacang Soya BONUS.
- Pelancaran coklat KIT KAT Chunky.
- Pelbagai pembaharuan pada produk Aiskrim dan produk Dingin.

Untuk memenuhi aktiviti jualan dan rangkaian produk yang bertambah, Syarikat membantu para pengedar dengan kakitangan tambahan untuk memberi tumpuan yang sewajarnya pada aktiviti promosi dagangan.

Pada tahun 2000, Syarikat telah mengumumkan permulaan projek industri serantau yang akan memastikan penggunaan pelbagai lokasi pengeluaran di Asia Tenggara dengan lebih efisien. Oleh yang demikian, Syarikat telah menghentikan pengeluaran di kilang susu pekat di Petaling Jaya pada bulan September 2000, dan pada masa hadapan akan memperoleh susu pekat daripada kumpulan pembekal luar. Pada masa hadapan, Malaysia juga akan menjadi pembekal serantau Bijirin Bayi, dan bagi memenuhi permintaan keupayaan yang kian meningkat, kita telah memulakan kerja-kerja pembesaran kilang Shah Alam yang menelan belanja sebanyak RM40 juta. Di samping itu, kita akan meningkatkan keupayaan pengeluaran MILO bagi memenuhi permintaan beberapa negara serantau. Projek ini dijangka beroperasi sepenuhnya pada akhir tahun 2002, dan akan menjana pulangan yang lebih baik bagi pemegang-pemegang saham Nestlé Malaysia.

## Daya Keuntungan

Margin kasar telah bertambah pada tahun 2000 disebabkan jualan yang lebih tinggi (RM2,202 juta berbanding RM1,953 juta, meningkat 12.8%), serta kos pengeluaran yang lebih rendah pada keseluruhannya. Kos penyusunan semula yang berkaitan dengan perhentian operasi pengeluaran susu pekat manis telah menelan belanja sebanyak RM18.5 juta pada tahun 2000. Ini termasuk kos pemberhentian kakitangan, dan pembatalan peralatan usang, yang maka itu dianggap perbelanjaan tidak beroperasi. Jumlah selebihnya sebanyak RM14.6 juta juga telah diperuntukkan bagi penurunan nilai harta yang lain, baik akibat keusangan, mahupun pelarasan nilai. Kesan daripada kos tersebut dapat mengurangkan pelaburan modal dan oleh yang demikian akan memberi pulangan yang lebih baik di masa hadapan. Meskipun demikian, keuntungan bersih sebelum cukai bertambah dari RM243 juta ke RM255 juta, manakala keuntungan selepas cukai pada tahun 2000 (RM203 juta) tidak boleh dibandingkan dengan tahun 1999, kerana tiada cukai dikenakan pada tahun lalu.

## Sumber Manusia

Sepanjang tahun 2000, Syarikat telah mengurus dengan cermat jumlah kakitangan untuk memastikan kecekapan yang berterusan. Walaupun beberapa jawatan baru telah diwujudkan untuk memenuhi perkembangan perniagaan, jumlah kakitangan telah dihadkan di bahagian-bahagian lain di mana peluang untuk memperkemaskan tugas telah dikenalpasti. Kebanyakan kakitangan yang terlibat dengan perhentian operasi pengeluaran susu pekat telah ditempatkan di bahagian-bahagian lain di dalam Syarikat, dan kita telah berjaya mengelakkan sebarang langkah menangani lebihan pekerja yang ketara.

Kita telah terus melabur dalam bidang latihan dan pembangunan bagi masa depan, dan pada tahun 2000 perbelanjaan bagi latihan kakitangan berjumlah RM3.3 juta, peningkatan sebanyak 40% berbanding dengan tahun 1999. Kita juga telah memindahkan seramai tiga orang pekerja Malaysia ke luar negara untuk bertugas di lokasi Nestlé yang lain, menjadikannya seramai 15 orang jumlah kakitangan yang memegang jawatan di luar negara pada akhir tahun 2000.

## Prospek Tahun 2001

Syarikat berpuas hati dengan pencapaian bagi tahun 2000 yang bukan sahaja telah mencerminkan pemulihan ekonomi Malaysia, malah membuktikan peningkatan penghargaan para pengguna terhadap rangkaian barangan Nestlé yang luas serta bermutu tinggi. Sekiranya tiada berlaku sebarang kejadian di luar dugaan, kita amat optimistik dengan suasana perniagaan tahun 2001, dan Syarikat bersedia memenuhi cabaran memperbaiki prestasi tahun lepas.

经历了两年的经济风暴重创，2000年乃我们值得骄傲的一年，让我们回复1997年危机前的真正成长。

去年，马来西亚的经济表现一路上扬，而我们的业绩证实得到消费者回复信心。尽管食品业所有领域均处于积极竞争攻势，但我们却在大部分领域中攻占或保持本地市场的领先地位。营业额达到13%的成长，此项成长都是由于货品售量增加。

在2000年度，大部分主要输入成本保持固定或甚至减低，尤其是在咖啡、可可、植物油脂、糖分。由于零售利润减少的趋势，我们亦享有人口成本方面的效益。虽然原料价格之世界性价格显著增加，在一定程度上抵销所述的部分节省。然而，基于上述节省及经营成本控制措施所达到的效率，我们的毛利润在整体上比往年有进步。

2000年3月，我们在市场上发行3亿零吉债券，获得RAM评级的AAA/P1等级。此项债券的发售获得十分具竞争性的利息收益，从而减低2000年的营业成本。

去年是公司第一年在吧生实吉拉港全面操作全国分销中心。此分销中心让我们在整个供应网至零售商方面取得客户服务水平上显著的改善，并减少存货量。

## 市场、销售与生产

经过多年来，持续的品牌建立与市场定位促使雀巢的全面性成功。在2000年，我们于市场采取持续开销的大量投资、新产品的创新以至包装与销售的创新下，继续在本地处于品牌最力支持。我们2000年的市场活动包括：

- 推介NESTOMALT，一种白色麦芽调饮料，推出后，即获消费者欢迎。
- 配合过去大马体育精英，公司重新推介高顿以青睐牵此等于推出两市50周年。
- 研发与推介美禄品牌下各种直饮用品——这是大马与国际研究与发展中心，以及通过和创意广告互动营销所取得的成果。
- 推介OMEGA麦片，这是为促进消费者心脏健康而研制的。
- 扩大健康饮料系列，配合专注的分销活动，从而获得三位数字的成长数字。
- 执行新的纸包装饮料生产设备，使我们以新的方便包装重新推介UHT系列饮料产品。
- 重新推介BONUS巧克力。
- 推介Chunky KIT KAT巧克力条。
- 冰淇淋与冷冻产品均有各种创新产品。

为了应对不断增加的销售营业及产品系列，我们为业务部增加服务人手，以提供市场全面所需的营销性实力。

在2000年期间，我们开始进行一项区域性工业计划。这项计划将使我们更有效地使用东南亚市场里各国的数个制造据点。由于这个措施，2000年9月，我们停止了炼乳在八打灵再也工厂的生产。目前，我们将寻求外国集团供应商的炼乳。马来西亚在不久之后将成为婴儿营养食品的区域供应商。为了满足逐渐增加产量的需求，我们已经开始投资4千万零吉扩建淡汶南工厂。除此以外，我们亦增加具备的产能以迎合一些区域性的需求。有关计划预料在2002年初全面展开运作，并将马来西亚在具的投资引领改进国际。

## 盈利

由于更高的营业额（22亿200万零吉对19亿5千300万零吉，高出12.8%）以及更低的整体生产成本，2000年的毛利润率相已改进。在2000年，公司拨备1千590万零吉重整费用，作为关闭炼乳厂的开支。这项费用包括了员工补偿费以及折旧陈旧的机器设备。所以，这等费用是作为非常性开支。另外还有一项为数1千480万零吉被作为其他资产的报废费用，由于这些资产经已被旧或其原目价值过高。这些费用原则上的效果是减低税前资金。因此，较强劲的结构将有利于日后的回酬。尽管面临这些改变，公司的税前净盈利从2亿4千300万增至2亿5千600万，而2000年的税前盈利（2亿零2万）却不能和去年直接相比较，因为去年是免税利年。

## 人力资源

2000年我们实践处理员工人数以协保持精简及高工作效能，虽然公司有数几个新领域以符合业务成长，但在其他一些领域里定为可以精简化以提高效率的地方，员工人数却有所限制。大部分受到炼乳厂关闭影响的员工都调到公司其他地方去。我们已聘请任何具潜力的管理多余员工。

我们继续为将来而投资于培训。在2000年，我们投资在职员培训的开支为3百30万零吉，比起1999年，增加了40%。此外，我们派有3名大马的职员调派海外其他雀巢公司。截至2000年杪，被任海外的雀巢职员多达15名。

## 2001年展望

我们对公司在2000年的业绩表现感到满意。这不仅反映了马来西亚经济的改善，同时也证实消费者对我们广泛的优质产品系列感到满意。除非任何不可预测的情况，我们对2001年的前景感到乐观，而我们公司已准备好面对交出比去年更佳的业绩的挑战。

# NOTICE OF MEETING NOTIS MESYUARAT

NESTLÉ (MALAYSIA) BERHAD
Company No.: 110925-W (Incorporated In Malaysia)

NOTICE IS HEREBY GIVEN that the Seventeenth Annual General Meeting of the Company will be held at the Petaling Jaya Hilton Hotel, on Thursday, 26 April 2001 at 11.00 a.m., for the following purposes:

1. To receive the Directors' Report and Audited Accounts for the year ended 31 December 2000, and the Auditors' Report thereon;
2. To re-appoint Gen. (R) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali Seth who retires as Director pursuant to Section 129 (6) of the Companies Act 1965;
3. To re-elect Mr. Michael W. Garrett who retires by rotation as Director pursuant to Article 97 of Company's Articles of Association;
4. To re-elect Dato' Haji Badroddin bin Kassim who retires by rotation as Director in accordance with Article 97 of the Company's Articles of Association;
5. To declare a final tax-exempt dividend of 86 sen gross per share for the year ended 31 December 2000;
6. To approve the Directors' fees;
7. To appoint KPMG as Auditors of the Company and to authorise the Directors to fix their remuneration; and
8. To transact any other business of which due notice shall have been given.

By Order of the Board
Mohd. Shah Bin Hashim (LS006824)
Diana Binti Mohd Ghazali (LS004285)
Secretaries
Petaling Jaya
12 April 2001

NOTES:

1. A member of the Company entitled to attend and vote at the above Meeting is entitled to appoint a proxy to attend and vote on his behalf. Such proxy need not be a member of the Company.
2. For the proxy to be valid, it must be deposited at the Registered Office of the Company not less than 48 hours before the time appointed for the Meeting or adjournment thereof.

NESTLÉ (MALAYSIA) BERHAD
No. Syarikat: 110925-W (Diperbadankan di Malaysia)

DENGAN INI DIBERITAHU bahawa Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang Keenambelas akan diadakan di Hotel Hilton Petaling Jaya, pada hari Khamis, 26 April 2001 jam 11.00 pagi untuk tujuan-tujuan berikut:

1. Untuk menerima Laporan Pengarah dan Akaun yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2000 dan Laporan Juruaudit mengenainya;
2. Untuk melantik semula Gen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali Seth yang bersara sebagai Pengarah menurut Seksyen 129 (6) Akta Syarikat 1965;
3. Untuk melantik semula Mr. Michael W. Garrett yang bersara sebagai Pengarah mengikut giliran menurut Artikel 97 Tataurusan Persatuan Syarikat;
4. Untuk melantik semula Dato' Haji Badroddin bin Kassim yang bersara mengikut giliran sebagai Pengarah mengikut Artikel 97 Tataurusan Persatuan Syarikat;
5. Untuk mengisytiharkan dividen akhir sebanyak 86 sen kasar sesaham bagi tahun berakhir 31 Disember 2000;
6. Untuk meluluskan bayaran Pengarah;
7. Untuk melantik KPMG sebagai Juruaudit Syarikat dan membenarkan Pengarah-Pengarah menetapkan bayaran mereka;
8. Untuk menguruskan lain-lain hal yang mana notis sewajarnya telah pun dimaklumkan.

Dengan Perintah Lembaga Pengarah
Mohd. Shah Bin Hashim (LS 006824)
Diana Binti Mohd Ghazali (LS 004285)
Setiausaha-setiausaha
Petaling Jaya
12 April 2001

NOTA:

1. Seorang ahli Syarikat yang layak hadir dan mengundi di Mesyuarat tersebut berhak melantik seorang wakil hadir dan mengundi bagi pihaknya. Wakil tersebut tidak seharusnya menjadi ahli Syarikat.
2. Untuk surat perlantikan wakil menjadi sah, ia hendaklah dikemukakan di Pejabat Berdaftar Syarikat tidak kurang daripada 48 jam sebelum waktu yang ditetapkan untuk Mesyuarat ataupun Mesyuarat yang ditangguhkan selepas itu.

# GROUP FINANCIAL HIGHLIGHTS   MAKLUMAT KEWANGAN KUMPULAN

| | | 2000 | 1999 | +/(-) |
|---|---|---|---|---|
| Turnover/Jumlah Jualan | (RM'000) | 2,202,451 | 1,952,571 | 12.8% |
| Earnings/Cash Flow/Perolehan/Aliran Tunai | | | | |
| Profit before tax/Untung sebelum cukai | (RM'000) | 254,991 | 242,702 | 5.1% |
| % of turnover/% jumlah jualan | | 11.6% | 12.4% | |
| Profit after tax and minority interest / Untung selepas cukai dan kepentingan minoriti | (RM'000) | 202,452 | 240,659 | (15.8%) |
| % of turnover/% jumlah jualan | | 9.2% | 12.3% | |
| Dividends paid & proposed (net)/ Dividen dibayar & dicadangkan (bersih) | (RM'000) | 192,477 | 222,775 | (13.6%) |
| Depreciation of fixed assets/ Susutnilai harta tetap | (RM'000) | 71,447 | 55,347 | |
| Cash flow (net profit + depreciation)/ Aliran tunai (untung + susutnilai) | (RM'000) | 273,899 | 296,006 | |
| Capital expenditure/Perbelanjaan modal | (RM'000) | 67,631 | 40,194 | |
| Shareholders' funds/Dana pemegang saham | (RM'000) | 345,352 | 335,377 | |
| Personnel / Personel | (no.)/(bil.) | 3,183 | 3,489 | |
| Factories / Kilang-kilang | (no.)/(bil.) | 7 | 7 | |
| Per Share / Sesaham | | | | |
| Market price/Harga pasaran | (RM) | 21.00 | 16.40 | |
| Earnings per share/Perolehan sesaham | (sen) | 86.33 | 102.60 | |
| Price earning ratio/Nisbah harga perolehan | | 24.32 | 15.98 | |
| Dividend (net)/Dividen (bersih) | (sen) | 82.1 | 95.0 | |
| Dividend yield/Kadar hasil dividen | (%) | 3.9 | 5.8 | |
| Dividend cover/Lindungan dividen | (no.)/(bil.) | 1.1 | 1.1 | |
| Shareholders' funds/Dana pemegang saham | (RM) | 1.47 | 1.43 | |
| Net tangible assets/Harta ketara bersih | (RM) | 1.07 | 1.00 | |

Notes:

1. Turnover has been restated to net after deducting rebates.
2. Earnings per share and dividend cover are based on profit after tax.
3. Net tangible assets consist of share capital plus reserves less intangible assets.
4. The share price represents last done price quoted on the last trading day of December.

Nota:

1. Jumlah jualan telah dinyatakan semula setelah ditolak rebet.
2. Perolehan sesaham dan lindungan dividen adalah berdasarkan keuntungan selepas cukai.
3. Harta ketara bersih meliputi modal saham campur rizab tolak harta tak ketara.
4. Harga pasaran adalah berdasarkan harga saham pada hari urusniaga terakhir dalam bulan Disember.